

17/11/1998

Gore hasut pembantah teruskan demonstrasi

AMERIKA SYARIKAT sekali lagi campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia apabila Naib Presidennya, Al Gore, menyatakan sokongan terhadap gerakan reformasi pada satu majlis makan malam, di sini malam ini.

Gore yang hadir mewakili Presiden Bill Clinton pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bermula esok, secara tidak langsung menyatakan demokrasi adalah seiring dalam menangani krisis ekonomi.

"Ketika beberapa negara anggota mengalami krisis ekonomi, kita terus mendengar tuntutan terhadap demokrasi, yang inginkan perubahan dalam pelbagai bahasa - People Power (Kuasa Rakyat), Doi Moi dan Refomasi.

"Kita dengar mengenai mereka hari ini - di sini dan sekarang - di kalangan orang Malaysia yang berani," katanya pada majlis makan malam sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Abac).

Gore yang diberi penghormatan berucap pada majlis makan malam itu menggemparkan majlis berkenaan apabila beliau menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan sokongannya terhadap gerakan 'reformasi' anti kerajaan.

Ketika menyentuh isu itu menjelang akhir ucapannya, beliau mengejutkan hadirin yang terdiri daripada 1,000 pegawai tertinggi kerajaan dan pemimpin industri dari Lingkaran Pasifik apabila beliau memperkatakan mengenai demokrasi dan pergerakan demokrasi di beberapa negara.

Malah, beliau secara tidak langsung mengatakan bahawa demokrasi berkembang dengan lebih baik di 'negara-negara yang menyekat kebebasan.' Sambil berkata demokrasi memberikan tanda halal yang diperlukan oleh reformasi supaya berkesan, Gore berkata tuntutan bagi demokrasi berterusan, khususnya di negara yang menderita akibat krisis ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut hadir pada majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang ditemui selepas itu membidas ucapan Gore sebagai paling menjelekkan kerana ia menyokong rusuhan dan demonstrasi jalanan di Malaysia.

Beliau yang jelas marah dengan ucapan itu berkata, ia adalah ucapan paling jelek beliau pernah dengar di dalam hidupnya dan satu campur tangan yang terang-terangan di dalam hal ehwal dalaman Malaysia.

"Saya terkejut tokoh seperti Gore menyokong rusuhan dan tunjuk perasaan dan menggelar pergerakan itu sebagai kuasa rakyat, malah berkata mereka yang terbabit di dalam gerakan reformasi adalah rakyat berani Malaysia.

"Ini adalah campur tangan langsung di dalam hal ehwal dalaman negara ini. Saya harap saya tidak pernah mendengar ucapan yang jelek seumpama itu sekali lagi. Pandangannya begitu tidak ada pertimbangan langsung," katanya.

Rafidah berkata, ulasan Gore itu mencerminkan kesempitan fikiran sesetengah orang yang tidak faham apakah keadaan sebenar di sini.

"Itu adalah sikap paling jelek dan saya kasihan rakyat Amerika. Saya ada banyak kawan Amerika berpangkalan di sini yang beria-ria meminta maaf kerana sikap naib presiden mereka itu," katanya.

Dalam ucapannya, Gore juga berkata masa depan pasaran global yang bebas dan cergas amat bergantung kepada cabaran ketiga - demokrasi dan pertumbuhan pemerintahan sendiri di seluruh dunia.

Katanya, mana-mana kerajaan yang menyekat maklumat akan menyekat potensi ekonomi dalam Era Maklumat.

Gore juga menyelar negara-negara yang mengenakan disiplin fiskal dan

pengorbanan kewangan untuk mengatasi kegawatan ekonomi dan mencetuskan pertumbuhan, yang ditujukan kepada langkah kawalan mata wang Malaysia.

Bagaimanapun, Gore tidak menyebut mengenai demokrasi di negaranya sendiri yang disifatkan oleh kumpulan hak asasi manusia, Amnesty International, sebagai sebuah negara yang menyaksikan paling banyak pencabulan hak asasi manusia di dunia.

Seorang ahli perniagaan Malaysia yang naik berang dengan kenyataan itu, menyifatkan kenyataan Gore dan pendirian Amerika sebagai `campurtangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia.'

"Ini adalah pencabulan ke atas kedaulatan negara kita," katanya.

Menurutnya, Gore tidak sedar ketika beliau menyatakan demikian, ada lebih 1.7 juta banduan dalam penjara di Amerika dan lebih 60 peratus daripada mereka adalah kaum minoriti pribumi.

Seorang ahli perniagaan Russia yang berada pada majlis itu merasakan kenyataan Gore itu pastinya akan mengundang jawapan daripada Dr Mahathir esok.

Menurutnya, membuat kenyataan sedemikian adalah tidak sopan kerana "kami datang sebagai tetamu".

"Gore tidak bercakap mengenai peluang bersama di kalangan ekonomi Apec, sebaliknya mengambil peluang untuk menghentam tuan rumah," katanya.

"Dia baru saja berada di sini beberapa jam, tetapi dia bercakap seolah-olah banyak yang dia tahu," katanya sambil menambah sekurang-kurangnya Gore mengambil sedikit masa untuk mengetahui apa sebenarnya berlaku.

(END)